

## Soalan Lazim Mengenai Pakej Penangguhan dan Pakej Penukaran

**Perkataan berwarna biru menunjukkan kemas kini dibuat pada Soalan Lazim yang disiarkan pada 30 Mac 2020. Lihat soalan 35, 36 & 37.**

No.	Soalan	Jawapan
<b>Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman/Pembiayaan (Pakej Penangguhan)</b>		
1.	Apakah penangguhan pembayaran balik pinjaman atau pembiayaan?	<p>Tawaran ini merupakan penangguhan atau penggantungan <b>sementara</b> obligasi pembayaran balik pinjaman/pembiayaan (pokok dan faedah/keuntungan) untuk jangka masa yang terhad. Dalam tempoh ini, peminjam/pelanggan yang mempunyai pinjaman/pembiayaan yang memenuhi syarat-syarat tidak perlu membuat apa-apa pembayaran balik, dan tiada caj bayaran lewat akan dikenakan. Peminjam perlu menunaikan pembayaran balik yang tertangguh pada masa akan datang. Pembayaran balik pinjaman/pembiayaan akan disambung semula selepas tempoh penangguhan atau penalti akan dikenakan.</p> <p>Faedah/keuntungan akan terus dimasukkan (terakru/diambil kira) ke dalam bayaran balik pinjaman/pembiayaan yang ditangguhkan dan peminjam/pelanggan perlu menunaikan pembayaran balik yang tertangguh pada masa akan datang. Pembayaran balik pinjaman/pembiayaan akan disambung semula selepas tempoh penangguhan.</p>
2.	Apakah objektif pakej penangguhan ini?	<p>Tujuan pakej ini adalah untuk memberikan bantuan kepada individu dan ahli perniagaan yang menghadapi kekangan kewangan sementara berikutan pandemik COVID-19. Pakej ini adalah untuk membantu individu dan ahli perniagaan yang menghadapi kesusahan kewangan untuk menempuh cabaran dalam tempoh ini. Pembayaran balik pinjaman/ pembiayaan akan disambung semula selepas tempoh penangguhan.</p>
3.	Institusi kewangan manakah yang menawarkan pakej penangguhan ini?	<p>Semua bank berlesen, bank-bank Islam berlesen, bank-bank pelaburan berlesen dan institusi kewangan pembangunan (IKP) tertentu yang dikawal selia oleh BNM (institusi kewangan) akan menyediakan fleksibiliti penangguhan ini.</p> <p>Peminjam/pelanggan yang memenuhi syarat kelayakan boleh memanfaatkan fleksibiliti ini.</p>

No.	Soalan	Jawapan
4.	Pinjaman mana yang layak mendapatkan penangguhan itu?	<p>Bagi individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), penangguhan dalam pinjaman konvensional atau obligasi pembayaran balik pembiayaan Islam (kecuali kad kredit) yang akan dilaksanakan secara automatik oleh institusi kewangan jika pinjaman/pembiayaan memenuhi kriteria yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020; dan</li> <li>• dalam denominasi Ringgit Malaysia.</li> </ul> <p>Sementara itu, peminjam korporat/pelanggan boleh memohon moratorium pembayaran balik pinjaman/pembiayaan daripada institusi kewangan mereka masing-masing.</p>
5.	Adakah pakej penangguhan ini terpakai kepada pinjaman/pembiayaan yang baru diluluskan/dikeluarkan?	Pakej ini terpakai kepada semua pinjaman/pembiayaan yang belum dijelaskan setakat 1 April 2020.
6.	Bolehkah saya meminta untuk melanjutkan tempoh penangguhan sehingga melebihi 6 bulan?	Penangguhan ini hanya selama 6 bulan. Sila hubungi institusi kewangan anda jika anda memerlukan tempoh penangguhan yang lebih lama.
7.	Perlukan saya memohon?	Tidak. Semua pinjaman/pembiayaan individu dan PKS yang memenuhi kriteria akan secara automatik layak untuk mendapatkan penangguhan ini.
8.	Sekiranya saya memilih untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman/pembiayaan, adakah rekod CCRIS saya akan terjejas teruk?	Tidak. CCRIS anda tidak akan terjejas semasa tempoh penangguhan. Rekod CCRIS akan kekal sama seperti status setakat 31 Mac 2020 sepanjang tempoh penangguhan.

No.	Soalan	Jawapan
9.	<p>Pinjaman saya telah gagal dibayar balik, adakah saya layak mendapatkan kemudahan penangguhan? Adakah pinjaman di bawah program penjadualan semula dan penstrukturan semula (R&amp;R) layak untuk mendapat pakej penangguhan?</p>	<p>Akaun pinjaman/pembiayaan yang sudah melebihi tunggakan 90 hari tidak layak untuk mendapatkan penangguhan. Anda dinasihati supaya menghubungi talian pertanyaan, menghantar e-mel atau melayari laman sesawang institusi kewangan anda untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang perkara ini.</p> <p>Walau bagaimanapun, pinjaman/pembiayaan di bawah program R&amp;R layak mendapatkan penangguhan tertakluk pada kriteria yang ditetapkan, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak tertunggak melebihi 90 hari setakat 1 April 2020; dan</li> <li>• dalam denominasi Ringgit Malaysia.</li> </ul>
10.	<p>Bagaimanakah pakej penangguhan ini berbeza daripada moratorium pinjaman/pembiayaan lain yang diumumkan oleh institusi kewangan baru-baru ini?</p>	<p>Institusi kewangan telah bersikap proaktif dalam usaha memenuhi keperluan peminjam/pelanggan mereka dengan menawarkan pelbagai pakej penjadualan semula dan penstrukturan semula bagi membantu peminjam/pelanggan yang terjejas. Usaha seumpama ini sangat dialu-alukan dan patut diteruskan.</p> <p>Pakej penangguhan ini merupakan lanjutan langkah-langkah yang diumumkan sebelum ini oleh institusi kewangan untuk meningkatkan akses isi rumah dan ahli perniagaan kepada bantuan kewangan jangka pendek yang sangat diperlukan dalam tempoh yang mencabar ini.</p>
11.	<p>Adakah pinjaman atau pembiayaan saya dengan penyedia kredit bukan bank lain seperti koperasi kredit, peminjam wang berlesen atau majikan saya, layak untuk mendapatkan pakej penangguhan ini?</p>	<p>Tidak. Pemberi pinjaman atau penyedia bukan bank lain yang tidak dikawal selia oleh BNM bukan institusi peserta bagi pakej ini.</p>
12.	<p>Bagaimanakah saya boleh tahu jika institusi kewangan saya telah mendaftarkan pinjaman saya kepada pakej penangguhan? Bagaimanakah saya boleh</p>	<p>Pakej penangguhan diberikan secara automatik kepada semua individu dan PKS yang mempunyai obligasi pembayaran balik pinjaman konvensional atau pembiayaan Islam (kecuali kad kredit) yang tidak tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020 dan dalam denominasi Ringgit Malaysia.</p>

No.	Soalan	Jawapan
	mengetahui bahawa saya layak?	Semua institusi kewangan akan memberikan maklumat melalui laman sesawang mereka dan akan menghubungi peminjam secara individu melalui SMS/e-mel/panggilan telefon. Lebih banyak maklumat akan diberikan untuk memaklumkan perkara yang boleh dijangka semasa tempoh penangguhan dan pilihan pelan pembayaran balik selepas tempoh penangguhan. Sila dapatkan maklumat lanjut melalui saluran yang dinyatakan di atas atau hubungi talian pertanyaan pelanggan institusi kewangan anda.
13	Saya bekerja dalam sektor pelancongan dan telah terjejas teruk akibat peristiwa baru-baru ini. Saya telah bersusah payah memenuhi pembayaran gadai janji bulanan saya sejak Januari dan simpanan saya akan habis tidak lama lagi. Adakah saya layak mendapatkan pakej penangguhan?	Ya, dengan syarat pinjaman/pembiayaan anda tidak tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020.
14.	Saya menjalankan perniagaan kecil yang telah terjejas teruk akibat COVID-19. Jika perniagaan akan terus terjejas, saya tidak akan mampu membayar pinjaman kereta dan pinjaman peribadi saya tidak lama lagi. Adakah saya layak untuk pakej penangguhan?	Ya, dengan syarat pinjaman/pembiayaan anda tidak tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020.
15.	Adakah saya akan dikenakan faedah tambahan atas jumlah bayaran balik yang ditangguhkan selama tempoh 6 bulan tersebut?	Bagi pinjaman konvensional, faedah akan terus dikenakan ke atas baki yang belum dijelaskan yang merangkumi pinjaman pokok dan faedah (iaitu terkompoun) semasa tempoh moratorium. Walau bagaimanapun, beberapa institusi kewangan boleh membuat keputusan untuk tidak mengenakan kadar faedah kompaun semasa tempoh penangguhan. Sila dapatkan maklumat lanjut tentang penangguhan ini di laman sesawang institusi kewangan anda.

No.	Soalan	Jawapan
		<p>Bagi pembiayaan Islam, keuntungan akan terus terakru (yakni diambil kira) pada jumlah pokok yang belum dijelaskan. Namun begitu, keuntungan tersebut tidak akan dikompaun selaras dengan prinsip Syariah.</p> <p>Walau bagaimanapun, institusi kewangan tidak dibenarkan mengenakan bayaran penalti lewat atas jumlah tertunda. Dalam erti kata lain, bayaran balik pinjaman/pembiayaan hanya tertangguh selama 6 bulan.</p>
<p>16.</p>	<p>Apakah yang akan terjadi kepada pembayaran balik pinjaman/pembiayaan saya selepas tempoh pakej penangguhan?</p> <p>Bagaimanakah pakej penangguhan mempengaruhi pembayaran faedah yang dikenakan ke atas saya selepas tempoh 6 bulan? Adakah berlaku peningkatan dalam bayaran bulanan, atau tempoh akan menjadi lebih lama?</p>	<p>Bagi pinjaman konvensional, faedah akan terus dikenakan ke atas baki belum dijelaskan yang terdiri daripada pinjaman pokok dan faedah (iaitu terkompoun) semasa tempoh penangguhan. Walau bagaimanapun, beberapa institusi kewangan boleh membuat keputusan untuk tidak mengenakan kadar faedah kompaun semasa tempoh penangguhan.</p> <p>Bagi pembiayaan Islam, keuntungan akan terus terakru (yakni diambil kira) ke atas jumlah pokok yang belum dijelaskan. Walau bagaimanapun, keuntungan itu tidak akan dikompaun selaras dengan prinsip Syariah.</p> <p>Peminjam/pelanggan dinasihati supaya mengambil maklum pemberitahuan daripada institusi kewangan mereka mengenai pelaksanaan pakej penangguhan ini.</p> <p>Peminjam/pelanggan diingatkan supaya membuat pertimbangan rapi tentang pilihan pembayaran balik yang ditawarkan oleh institusi kewangan masing-masing, terutamanya kaedah untuk menyambung semula bayaran balik selepas tempoh penangguhan. Kaedah ini mungkin termasuk jumlah ansuran berikutnya yang lebih tinggi atau lanjutan tempoh pinjaman/pembiayaan selepas tempoh moratorium selama 6 bulan.</p> <p>Peminjam/pelanggan perlu memastikan mereka memahami implikasi kewangan keseluruhan dan menilai kemampuan mereka untuk memenuhi implikasi ini. Mereka boleh menghubungi institusi kewangan mereka melalui panggilan</p>

No.	Soalan	Jawapan
		telefon/e-mel jika memerlukan maklumat lanjut tentang perkara ini.
17.	Pinjaman/pembiayaan saya adalah di bawah Program Pengurusan Kredit (PPK) AKPK. Adakah saya layak untuk penangguhan ini?	Ya. Sama seperti pinjaman/pembiayaan lain dengan institusi kewangan, faedah/keuntungan akan terus terakru (yakni diambil kira) bagi pembayaran balik pinjaman/pembiayaan yang ditangguhkan. Peminjam/pelanggan dinasihati supaya menghubungi AKPK untuk berbincang tentang pilihan yang disediakan kepada peminjam/pelanggan yang di bawah PPK.
18.	Adakah pembiayaan margin saham, kemudahan kredit pusingan (termasuk kemudahan overdraf dan perdagangan), penerimaan jurubank, Ar-Rahnu atau kemudahan jenis pembayaran sekaligus ( <i>bullet payment</i> ) layak mendapat penangguhan 6 bulan secara automatik?	<p>Ya. Penangguhan 6 bulan secara automatik dari 1 April 2020 adalah terpakai bagi semua kemudahan kredit dengan pembayaran balik berjadual atau mengikut kontrak.</p> <p>Ini termasuk kemudahan pembayaran balik atau pembayaran pokok (sebahagian atau sepenuhnya) dan/atau faedah/keuntungan, sama ada dijadualkan mengikut masa yang ditetapkan atau akan diselesaikan dalam satu pembayaran sekaligus, iaitu pembayaran sekaligus (<i>bullet payment</i>), dengan syarat kemudahan ini memenuhi kriteria yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak tertunggak melebihi 90 hari setakat 1 April 2020; dan</li> <li>• dalam denominasi ringgit Malaysia.</li> </ul> <p>Bagi kemudahan overdraf, penangguhan ini diberikan kepada jumlah pengeluaran yang melebihi had yang diluluskan, kerana jumlah pengeluaran terkumpul melebihi had yang diluluskan ini perlu dibayar balik mengikut kontrak.</p> <p>Kemudahan pembiayaan perdagangan mungkin layak untuk mendapat penangguhan, bergantung pada sama ada ciri-ciri kemudahan ini membenarkan tempoh pembiayaan dilanjutkan.</p> <p>Peminjam/pelanggan dinasihati supaya merujuk pemberitahuan atau menghubungi institusi kewangan mereka bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang syarat-syarat penangguhan dan pilihan pembayaran balik selepas penangguhan.</p>

No.	Soalan	Jawapan				
19.	Sekiranya syarikat memilih pakej penangguhan pembayaran pinjaman atau pembiayaan, adakah syarikat tersebut masih boleh mendapatkan pembiayaan baharu daripada institusi kewangan?	Ya. Keputusan kredit institusi kewangan adalah tertakluk pada dasar dan penilaian kredit dalaman masing-masing.				
20.	Saya mempunyai pinjaman/pembiayaan di bawah pengaturan auto-debit. Adakah institusi kewangan akan berhenti membuat debit pada akaun saya selama 6 bulan?	Ya. Walau bagaimanapun, sekiranya anda ingin memilih untuk tidak menyertai pakej ini dan terus membayar balik pinjaman/pembiayaan melalui pengaturan auto-debit yang sedia ada, sila maklumkan perkara tersebut kepada institusi kewangan anda.				
21.	Sebagai sebuah syarikat korporat, apakah kriteria yang perlu ada bagi memilih untuk menyertai pakej ini?	<p>Syarikat korporat perlu merujuk kepada institusi kewangan masing-masing untuk penangguhan serta penjadualan semula dan penstrukturan semula pinjaman/pembiayaan mereka. Kriteria adalah tertakluk pada dasar kredit dan penilaian dalaman setiap institusi kewangan.</p> <p>Di samping itu, pinjaman/pembiayaan ini hendaklah memenuhi kriteria yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak tertunggak melebihi 90 hari setakat 1 April 2020; dan</li> <li>• dalam denominasi Ringgit Malaysia.</li> </ul>				
22.	Pembayaran pinjaman / pembiayaan saya dibuat melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA). Adakah saya perlu memaklumkan kepada BPA?	<p>Penangguhan bayaran pinjaman/pembiayaan selama 6 bulan dilaksanakan secara automatik oleh institusi kewangan. Institusi kewangan anda yang akan membuat pengaturan dengan BPA. Anda tidak perlu memaklumkan kepada BPA.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, jika anda ingin menarik diri daripada pakej penangguhan dan terus membayar pinjaman/pembiayaan anda yang diuruskan oleh BPA, sila beritahu majikan dan institusi kewangan anda tentang perkara ini.</p>				
23.	Apakah bayaran bulanan pinjaman/ pembiayaan perumahan saya selepas tempoh moratorium 6 bulan?	<table border="1" data-bbox="797 1734 1325 1881"> <thead> <tr> <th data-bbox="797 1734 1040 1839">Ansuran bulanan <b>sebelum</b> penangguhan</th> <th data-bbox="1040 1734 1325 1839">Ansuran bulanan <b>selepas</b> penangguhan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="797 1839 1040 1881">RM1,438</td> <td data-bbox="1040 1839 1325 1881">RM1,483</td> </tr> </tbody> </table>	Ansuran bulanan <b>sebelum</b> penangguhan	Ansuran bulanan <b>selepas</b> penangguhan	RM1,438	RM1,483
Ansuran bulanan <b>sebelum</b> penangguhan	Ansuran bulanan <b>selepas</b> penangguhan					
RM1,438	RM1,483					

No.	Soalan	Jawapan
		<div style="border: 1px solid black; width: fit-content; margin-left: auto; margin-right: auto; padding: 2px;">(tambahan RM45)</div> <p>Ilustrasi pinjaman perumahan konvensional ini adalah berdasarkan andaian-andaian yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada tempoh lanjutan selepas tempoh penangguhan</li> <li>• Jumlah pinjaman - RM300,000</li> <li>• Kadar faedah - 4.6% setahun (kadar faedah kompaun tidak dikenakan semasa tempoh penangguhan).</li> <li>• Tempoh asal - 35 tahun, dan peminjam telah membayar balik selama 5 tahun</li> <li>• Bayaran pokok dan faedah digantung semasa tempoh penangguhan</li> <li>• Baki belum jelas sebelum tempoh penangguhan - RM280,585</li> <li>• Jumlah baki belum jelas selepas penangguhan yang perlu dibayar balik dalam tempoh 29.5 tahun = <b>RM287,038</b></li> </ul>
24.	<p>Saya ingin meneruskan pembayaran balik pinjaman / pembiayaan saya. Bagaimanakah saya boleh memilih untuk tidak menyertai pakej penangguhan secara automatik ini?</p>	<p>Sila jawab pemberitahuan yang dihantar oleh institusi kewangan dan maklumkan bahawa anda ingin memilih untuk tidak menyertai pakej penangguhan secara automatik ini. Anda perlu terus membuat pembayaran/pembiayaan anda sepenuhnya dan tepat pada masanya.</p>
25.	<p>Saya mempunyai pinjaman/pembiayaan yang dipotong secara automatik daripada gaji saya di bawah skim kakitangan. Sebagai contoh, pinjaman / pembiayaan yang disediakan oleh majikan saya tetapi diurus dan dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan. Adakah saya layak untuk penangguhan itu?</p>	<p>Tidak. Itu merupakan skim oleh majikan anda dan bukan disediakan oleh institusi kewangan.</p>



No.	Soalan	Jawapan
26.	Adakah institusi kewangan akan menggantung pembayaran balik secara automatik jika saya tidak menjawab pemberitahuan mereka?	Ya.
27.	Adakah saya masih layak untuk mendapatkan penangguhan jika saya mempunyai gaji yang stabil dan tidak terjejas akibat pandemik COVID-19? Rakan saya telah mengesyorkan kepada saya supaya membiarkan moratorium secara automatik dan tidak perlu meneruskan pembayaran bulanan pinjaman perumahan saya.	<p>Ya. Walau bagaimanapun, faedah akan terus terakru (yakni diambil kira) pada tempoh moratorium selama 6 bulan. Oleh itu, ansuran bulanan dan jumlah kos faedah akan meningkat selepas penangguhan (rujuk ilustrasi yang ditunjukkan dalam Soalan 23).</p> <p>Oleh itu, peminjam / pelanggan adalah dinasihati supaya membuat pertimbangan yang teliti tentang pilihan pembayaran selepas tempoh moratorium/penangguhan dan digalakkan terus membayar obligasi pinjaman mereka jika mereka mampu (rujuk Soalan 24).</p>
28.	Bagi pinjaman/pembiayaan kepada PKS, adakah penangguhan pembayaran dikenakan ke atas pembayaran kepada Credit Guarantee Corporation (CGC)?	CGC telah mengumumkan bahawa ia menawarkan penangguhan selama 6 bulan kepada semua pelanggan yang mempunyai pinjaman/pembiayaan langsung daripada CGC. Penangguhan ini hanya ditawarkan kepada akaun pinjaman/pembiayaan berbayar yang tidak tertunggak melebihi 90 hari. CGC boleh dihubungi melalui <a href="mailto:csc@cgc.com.my">csc@cgc.com.my</a> atau di talian 03-7880 0088.
29.	Selepas tempoh penangguhan, adakah jumlah bayaran balik atau tempoh pembiayaan diselaraskan untuk mengambil kira jumlah terakru? Bagaimanakah dengan mereka yang semakin menghampiri tempoh akhir pinjaman/pembiayaan. Contohnya, bayaran terakhir yang kurang daripada 6 bulan?	Peminjam/pelanggan dinasihati supaya menghubungi institusi kewangan mereka untuk berbincang tentang pilihan yang tersedia bagi meneruskan pembayaran selepas tempoh penangguhan. Sila rujuk jawapan pada Soalan 16.

No.	Soalan	Jawapan
<b>Penukaran Baki Kad Kredit kepada Pinjaman/ Pembiayaan Bertempoh 3-Tahun (Pakej Penukaran)</b>		
30.	<p>Saya dengar sekarang ini institusi kewangan akan menyediakan penukaran baki kad kredit secara automatik kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh, tetapi saya mempunyai gaji bulanan kira-kira RM5,500.</p> <p>Adakah saya layak mendapat pakej penukaran ini daripada institusi kewangan?</p>	<p>Semua pemegang kad layak menyertai pakej penukaran tanpa mengira tahap pendapatan mereka.</p> <p>Bagi pemegang kad yang terlepas 3 bulan pembayaran bulanan minimum berturut-turut, institusi kewangan akan menukar baki kad kredit secara automatik kepada pinjaman bertempoh dengan tempoh pinjaman sehingga 3 tahun.</p> <p>Institusi kewangan juga akan memberikan alternatif kepada pemegang kad lain memilih pada bila-bila masa dari 1 April hingga 31 Disember 2020 untuk menukar baki kad kredit mereka kepada pinjaman bertempoh pada tempoh dan kadar yang sama seperti di atas.</p>
31.	<p>Saya mempunyai dua kad kredit dengan jumlah baki belum jelas yang besar, dan saya diberhentikan kerja pada bulan Januari 2020. Saya tidak dapat memenuhi obligasi bulanan kad kredit saya sejak bulan Januari dan sangat risau tentang akibatnya. Adakah saya layak untuk menukar baki tertunggak ini kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh? Bagaimanakah keadaan ini boleh dilaksanakan? Adakah saya perlu menghubungi institusi kewangan saya untuk menyertai pakej ini?</p>	<p>Sekiranya anda tidak dapat memenuhi bayaran bulanan minimum pada kad kredit anda selama 3 bulan berturut-turut, institusi kewangan anda akan secara automatik menukar baki belum jelas kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh tidak lebih daripada 3 tahun dengan faedah/keuntungan yang efektif tidak lebih daripada 13% setahun.</p> <p>Institusi kewangan anda akan menghantar satu pemberitahuan tentang perkara ini dan menerangkan kepada anda tentang perjanjian/pembiayaan bertempoh. Anda juga boleh menghubungi institusi kewangan (melalui e-mel atau telefon) untuk meminta penukaran jika institusi kewangan anda tidak menukar baki belum jelas pada kad kredit anda secara automatik.</p>

No.	Soalan	Jawapan
32.	Selepas penukaran automatik yang pertama, jika saya tidak dapat memenuhi pembayaran balik kad kredit saya sekali lagi, adakah institusi kewangan menukar baki itu kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh?	Tidak, penukaran automatik kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh hanya akan dilakukan sekali dalam tempoh dari 1 April hingga akhir Disember 2020.
33.	Bolehkah saya menamatkan pinjaman/pembiayaan sebelum akhir tempohnya?	Ya, tetapi anda perlu menyelesaikan sepenuhnya baki pinjaman/pembiayaan. Tiada penalti dikenakan untuk penyelesaian awal.
34.	Bolehkah pemegang kad kredit yang telah menukar baki kad mereka kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh terus memohon untuk mendapatkan 6 bulan penangguhan pakej pinjaman atau pembiayaan?	Ya, boleh. Bayaran pinjaman/pembiayaan bagi pinjaman/pembiayaan bertempoh akan diteruskan selepas tempoh penangguhan.
35.	Sekiranya permintaan saya untuk membuat penukaran tidak diluluskan oleh institusi kewangan, bolehkah saya memohon untuk mendapatkan pakej penangguhan?	<p>Tidak, penangguhan pembayaran selama 6 bulan tidak terpakai untuk baki kad kredit.</p> <p>Institusi kewangan akan meneruskan menukar semua akaun kad kredit yang layak untuk penukaran secara automatik, manakala semua pemegang kad lain mempunyai pilihan untuk menukar baki kad kredit belum jelas mereka kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh.</p>
36.	Jika baki belum jelas kad kredit saya telah ditukar kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh, adakah saya masih boleh menggunakan kad kredit saya?	Ya, jika akaun kad tertunggak untuk tempoh 90 hari atau kurang pada tarikh penukaran, anda boleh terus menggunakan kad kredit sehingga baki had kredit setelah mengambil kira jumlah yang diubah menjadi pinjaman/pembiayaan bertempoh. Jumlah baki belum jelas yang telah ditukar kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh dianggap sebagai sebahagian daripada had kad kredit. Walau bagaimanapun, jika akaun kad kredit anda tidak berbayar (tunggakan melebihi daripada 90 hari), institusi kewangan anda mungkin mempunyai dasar untuk menyekat penggunaan kad tersebut.

No.	Soalan	Jawapan
37.	Sekiranya baki belum jelas kad kredit saya yang belum dijelaskan ditukar kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh, adakah rekod CCRIS saya akan terjejas teruk?	Rekod CCRIS anda tidak akan terjejas teruk, jika akaun kad kredit anda masih berbayar (tunggakan kurang daripada 90 hari) pada tarikh penukaran. Walau bagaimanapun, jika akaun kad kredit anda tidak berbayar (tunggakan melebihi daripada 90 hari), maklumat ini akan terus terpapar dalam rekod CCRIS anda. <b>Akaun ini akan ditanda sebagai R&amp;R dalam CCRIS.</b>
38.	Adakah saya dibenarkan menambah jumlah untuk ditukar kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh? Atau tawaran ini hanya untuk satu kali sahaja?	Jumlah yang akan ditukar kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh adalah berdasarkan baki penyata pada tarikh penukaran sahaja.  Jumlah penambahan yang akan diberikan perlu berdasarkan proses penilaian kredit lazim yang dilakukan oleh institusi kewangan, yang termasuk penilaian kemampuan.
39.	Adakah saya diberi pilihan/fleksibiliti untuk memilih pinjaman/pembiayaan bertempoh, contohnya untuk tempoh antara 1-3 tahun (maksimum 3 tahun)?	Institusi kewangan anda akan menetapkan tempoh pinjaman/pembiayaan bertempoh (tidak lebih daripada 3 tahun).
40.	Adakah terdapat jumlah minimum untuk penukaran baki belum jelas kad kredit kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh?	Tiada jumlah minimum ditetapkan. Walau bagaimanapun, jumlah itu hendaklah munasabah kerana adalah tidak praktikal untuk menukarkan jumlah yang terlalu kecil kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh sehingga tiga tahun. Anda dinasihati supaya mendapatkan maklumat selanjutnya daripada institusi kewangan.
<b>Makluman Am</b>		
41.	Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai perkara ini?	Pakej Penangguhan dan Pakej Penukaran akan diberikan secara automatik kepada peminjam dan pelanggan yang layak.  Selaras dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan, pelanggan TIDAK perlu pergi ke cawangan institusi kewangan mereka pada masa ini. E-mel, berhubung secara dalam talian atau muat turun aplikasi mudah alih institusi kewangan anda, jika perlu untuk mendapatkan maklumat segera.

No.	Soalan	Jawapan
		<p>Kebanyakan perkhidmatan barisan hadapan untuk kunjungan ke premis, termasuk BNMLINK telah digantung perkhidmatannya dari 18 Mac 2020 hingga Perintah Kawalan Pergerakan ditamatkan.</p> <p>Walau bagaimanapun, orang ramai boleh menghubungi BNM menerusi saluran yang berikut atau merujuk laman sesawang BNM di <a href="http://www.bnm.gov.my">www.bnm.gov.my</a> untuk mendapatkan maklumat terkini:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• LINK (<a href="https://telelink.bnm.gov.my">https://telelink.bnm.gov.my</a>); atau</li><li>• BNMTELELINK (Tel: 1-300-88-5465) dari Isnin hingga Jumaat (9.00 pagi hingga 5.00 pagi)</li></ul>

**Bank Negara Malaysia**  
**21 April 2020**